



MS ISO 9001:2015 REG. NO. KLR-0500197



**KEWAJIPAN • MARUAH • INTEGRITI  
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

Rujukan Kami : UPNM (P) 01.03/06 Jld. 2 (15)  
Tarikh : 30 September 2019

**Semua Staf**

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia  
Kem Sungai Besi  
Kuala Lumpur

YBhg. Dato' / Prof. / Prof. Madya / Dr. / Tuan / Puan

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BILANGAN 3 TAHUN 2019  
KEMUDAHAN CUTI BERSALIN BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM DI  
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM)**

---

**1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 2 Tahun 2019 yang telah bersidang pada 23 April 2019 mengenai pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2017 iaitu **Kemudahan Cuti Bersalin Pegawai Perkhidmatan Awam di UPNM**.

## **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2010 telah menetapkan bahawa seseorang pegawai yang bersalin layak mendapat cuti bersalin bergaji penuh sebanyak 300 hari sepanjang tempoh perkhidmatannya. Pegawai juga diberi fleksibiliti untuk menentukan sendiri tempoh Cuti Bersalin antara 60 hari hingga 90 hari bagi setiap kelahiran.
- 2.2 Bagi menjaga kebaikan penjawat awam wanita, Kerajaan telah bersetuju melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2017 untuk menambah tempoh cuti bersalin bergaji penuh daripada 300 hari kepada **360 hari** sepanjang tempoh perkhidmatan.
- 2.3 Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Naib Canselor (EXCO) Bil. 2 Tahun 2019 bertarikh 26 Februari 2019 telah bersetuju dengan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2017: Kemudahan Cuti Bersalin Pegawai Perkhidmatan Awam untuk diguna pakai di UPNM.
- 2.4 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 2 Tahun 2019 bertarikh 23 April 2019 telah bersetuju meluluskan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2017: Kemudahan Cuti Bersalin Pegawai Perkhidmatan Awam untuk diguna pakai di UPNM.

## **3.0 KELAYAKAN**

- 3.1 Kelayakan dan peraturan kemudahan Cuti Bersalin ditetapkan seperti berikut:
  - 3.1.1 kadar kelayakan Cuti Bersalin bergaji penuh ialah sebanyak 360 hari sepanjang tempoh perkhidmatan seseorang pegawai;

- 3.1.2 tempoh maksimum Cuti Bersalin bagi setiap kelahiran adalah 90 hari. Walau bagaimanapun, pegawai diberi fleksibiliti untuk menentukan sendiri tempoh Cuti Bersalin antara 60 hari hingga 90 hari bagi setiap kelahiran; dan
- 3.1.3 Cuti Bersalin bermula pada tarikh pegawai bersalin. Walau bagaimanapun, pegawai boleh memilih untuk menggunakan Cuti Bersalin lebih awal dari tarikh bersalin iaitu pada bila-bila masa dalam tempoh 14 hari dari tarikh dijangka bersalin.
- 3.2 Bagi pegawai yang mempunyai baki Cuti Bersalin bergaji penuh kurang daripada 60 hari, pegawai hendaklah mengambil Cuti Bersalin antara 60 hingga 90 hari dengan menggunakan kemudahan berikut:
- 3.2.1 menggunakan semua baki Cuti Bersalin bergaji penuh;
- 3.2.2 jika tidak mencukupi, Cuti Rehat digunakan; dan
- 3.2.3 jika masih tidak mencukupi, Cuti Bersalin tanpa gaji digunakan.
- 3.3 Jika kelayakan maksimum 360 hari kemudahan Cuti Bersalin telah habis digunakan, maka pegawai hendaklah mengambil Cuti Bersalin antara 60 hingga 90 hari dengan menggunakan kemudahan berikut:
- 3.3.1 menggunakan Cuti Rehat mulai dari tarikh bersalin; dan
- 3.3.2 jika masih tidak mencukupi, Cuti Bersalin tanpa gaji digunakan.
- 3.4 Cuti Bersalin separuh gaji dan Cuti Bersalin tanpa gaji yang diambil oleh pegawai yang bersalin tidak akan menjelaskan kelayakan pegawai untuk menggunakan Cuti Separuh Gaji di bawah Perintah Am 51 Bab C Tahun

1974 dan Cuti Tanpa Gaji di bawah Perintah Am 14 dan 52 Bab C Tahun 1974.

- 3.5 Tempoh Cuti Bersalin adalah termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan, hari kelepasan am dan cuti penggal. Namun begitu, pengiraan Cuti Rehat dalam tempoh Cuti Bersalin adalah tidak termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am.
- 3.6 Bagi pegawai lantikan kontrak (*contract of service*), kelayakan mereka adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam perenggan 3.1, 3.2 dan 3.3 di atas. Walau bagaimanapun, mereka tidak layak mengambil Cuti Menjaga Anak bagi menggantikan kelayakan Cuti Bersalin. Kemudahan Cuti Bersalin tanpa gaji yang diambil tidak menjelaskan kemudahan Cuti Tanpa Gaji Untuk Mengerjakan Haji sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 4, perkara 3, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2016 dan peraturan lain yang berkuat kuasa. Kemudahan Cuti Bersalin tanpa gaji ini juga tidak menyebabkan tempoh kontrak yang berkuat kuasa terputus.
- 3.7 Cuti Sakit tidak boleh digunakan bagi maksud menggantikan tempoh Cuti Bersalin kecuali Cuti Tibi, Kusta, Barah atau tempoh pegawai dimasukkan ke wad hospital kerana sakit bukan atas sebab bersalin.
- 3.8 Bagi pegawai yang telah melahirkan anak selepas 22 minggu mengandung, sama ada bayi itu hidup atau pun meninggal dunia adalah layak untuk diberi Cuti Bersalin memandangkan tubuh badan pegawai telah mengalami perubahan fizikal yang memerlukan Cuti Bersalin bagi tujuan pemulihan.
- 3.9 Tempoh perkhidmatan dengan Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan bagi seseorang pegawai yang diberi pelepasan untuk berkhidmat dengan perkhidmatan awam

Persekutuan hendaklah diambil kira bagi maksud kelayakan kemudahan di bawah Pekeliling ini.

- 3.10 Tempoh perkhidmatan termasuk semasa pelantikan secara sementara atau pelantikan secara kontrak hendaklah diambil kira bagi maksud kelayakan kemudahan di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini.

#### **4.0 URUSAN PENTADBIRAN**

4.1 Urusan pentadbiran kemudahan Cuti Bersalin adalah seperti berikut:

- 4.1.1 pegawai hendaklah mengemukakan dokumen sokongan daripada hospital/klinik Kerajaan atau swasta yang mengesahkan tarikh dijangka bersalin bagi membolehkan Ketua Jabatan meluluskan permohonan Cuti Bersalin dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran A – (Borang yang telah dipinda mengikut kesesuaian di UPNM)**;
- 4.1.2 bagi memudahkan urusan pentadbiran, pegawai **tidak boleh memindai** tempoh Cuti Bersalin yang telah diluluskan oleh Ketua Jabatan; dan
- 4.1.3 Bahagian Pengurusan Sumber Manusia hendaklah memastikan bilangan hari dan tempoh Cuti Bersalin yang diluluskan direkod di dalam Buku Rekod Perkhidmatan pegawai.

#### **5.0 PANDUAN BAGI TEMPOH PERALIHAN**

Bagi pegawai yang sedang dalam tempoh Cuti Bersalin seperti yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2010 hingga melepassi tarikh 1

Januari 2018, pegawai boleh menggunakan kadar tambahan baharu ini mulai 1 Januari 2018.

## **6.0 PEMBATALAN**

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2010 adalah **dibatalkan** dan tidak diguna pakai di UPNM. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2017 adalah seperti di **Lampiran B**.

## **7.0 TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2018**.

## **8.0 PEMAKAIAN**

Pemakaian pekeliling ini hanya terpakai di UPNM sahaja dan sekiranya staf UPNM meletak jawatan, maka kemudahan ini tidak boleh dipanjangkan ke organisasi melantik yang baharu.

**“KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI”**

Yang benar,



SARINA BINTI ABDUL RANI  
Pendaftar  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia



UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

UPNM.PEND.HRM-70

JABATAN PENDAFTAR

Kem Sungai Besi  
57000 Kuala Lumpur

Tel : 03-90513400  
Fax : 03-90581536

<http://www.upnm.edu.my>

Kewajipan, Maruah, Integriti



**BORANG KEMUDAHAN CUTI BERSALIN  
(PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 2017)**

**Arahan:** Maklumat hendaklah dilengkapkan dengan **jelas** dan menggunakan **huruf besar**. Perakuan Bersalin/Surat dijangka bersalin hendaklah dilampirkan.

**BAHAGIAN I: BUTIRAN DIRI PEGAWAI**

1. Nama Penuh :
2. No. Kad Pengenalan :
3. No. Staf :
4. Jawatan :
5. Alamat Tempat Tinggal Semasa  
Cuti Bersalin :
6. Tempoh Diperlukan :  hari.
7. Tarikh :  hingga
8. Tarikh Dijangka Bersalin (EDD) : 
  - i. Kelayakan Cuti Bersalin yang telah digunakan :  hari
  - ii. Baki kelayakan Cuti Bersalin (jika ada) :  hari

**BAHAGIAN II : BUTIRAN PERMOHONAN KEMUDAHAN CUTI BERSALIN**

9. Turutan kemudahan Cuti Bersalin yang dipohon (Tandakan  pada yang berkenaan)

- (a)  **Cuti Bersalin bergaji penuh**

Tarikh Bersalin :

Mulai :  hingga

Jumlah hari yang dipohon :  hingga

(termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am)

- (b)  **Cuti Rehat yang berkelayakan**  
Mulai :  hingga   
Jumlah hari yang dipohon:  hari  
(tidak termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am)
- 
- (c)  **Cuti Bersalin tanpa gaji**  
Mulai :  hingga   
Jumlah hari yang dipohon:  hari  
(termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am)
- 
- (d)  **Cuti Menjaga Anak yang tidak terikat dengan Cuti Bersalin di bawah PP Bil.5/2014**  
Mulai :  hingga   
Jumlah hari yang dipohon:  hari  
(termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am)
- 
- (e)  **Cuti Menjaga Anak yang bersambung daripada Cuti Bersalin di bawah PP Bil.5/2014**  
Mulai :  hingga   
Jumlah hari yang dipohon:  hari  
(termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am)

**BAHAGIAN III : PENGESAHAN PEGAWAI**

10. Saya dengan ini mengesahkan bahawa maklumat sebagaimana yang dinyatakan di **Bahagian I dan II adalah benar.**

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

**BAHAGIAN IV: PENGESAHAN DAN KEPUTUSAN DEKAN/PENGARAH  
(FAKULTI/PUSAT/JABATAN/BAHAGIAN)**

11. Permohonan kemudahan Cuti Bersalin bagi pegawai adalah **DILULUSKAN/TIDAK DILULUSKAN\***

pada/mulai  hingga

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama dan jawatan : \_\_\_\_\_  
*(cap rasmi)*

Tarikh : \_\_\_\_\_  
*\*potong mana yang tidak berkenaan*

- NOTA: i) Bagi perkara diperenggan 9 (c) pemohon juga perlu mengisi borang Permohonan Cuti Tanpa Gaji (UPNM.PEND.HRM.041)
- ii) Bagi perkara diperenggan 9 (d) dan (e) pemohon juga perlu mengisi borang Kemudahan Cuti Menjaga Anak (CMA) (UPNM.PEND.HRM-71).
- ii) Sila kemukakan Borang Kemudahan Cuti Bersalin ke Jabatan Pendaftar selepas mendapat kelulusan untuk di rekod dalam Sistem Cuti dan Buku Rekod Perkhidmatan.



## KERAJAAN MALAYSIA

### PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 2017

#### KEMUDAHAN CUTI BERSALIN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM

#### TUJUAN

1. Pekeling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan berhubung kemudahan Cuti Bersalin kepada pegawai Perkhidmatan Awam.

#### LATAR BELAKANG

2. Pekeling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2010 telah menetapkan bahawa seseorang pegawai yang bersalin layak mendapat cuti bersalin bergaji penuh sebanyak 300 hari sepanjang tempoh perkhidmatannya. Pegawai juga diberi fleksibiliti untuk menentukan sendiri tempoh Cuti Bersalin antara 60 hari hingga 90 hari bagi setiap kelahiran.

3. Bagi menjaga kebijakan penjawat awam wanita, Kerajaan telah bersetuju untuk menambah tempoh cuti bersalin bergaji penuh daripada 300 hari kepada 360 hari sepanjang tempoh perkhidmatan.

## **PELAKSANAAN**

### **Tafsiran**

4. Dalam Pekeliling Perkhidmatan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

**‘Cuti Bersalin’** adalah cuti yang diberikan kepada pegawai wanita untuk bersedia dan pulih daripada bersalin;

**‘Cuti Bersalin bergaji penuh’** adalah Cuti Bersalin yang dibayar emolumen penuh mengikut kadar kelayakan yang telah ditetapkan;

**‘Cuti Bersalin separuh gaji’** adalah Cuti Bersalin yang dibayar separuh emolumen dan hanya diperuntukkan kepada guru selama 14 hari dalam penggal sekolah;

**‘Cuti Bersalin tanpa gaji’** adalah Cuti Bersalin yang tidak dibayar sebarang emolumen kepada pegawai yang telah menggunakan kelayakan Cuti Bersalin bergaji penuh dan Cuti Bersalin separuh gaji;

**‘guru’** adalah merujuk kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan wanita yang mengajar dan diberi kemudahan cuti penggal/semester di sekolah atau institusi pendidikan; dan

**‘pegawai’** adalah merujuk kepada pegawai wanita Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dilantik secara tetap, sementara dan kontrak (*contract of service*).

## **Kelayakan**

5. Kelayakan dan peraturan kemudahan Cuti Bersalin ditetapkan seperti berikut:
  - 5.1 kadar kelayakan Cuti Bersalin bergaji penuh ialah sebanyak **360 hari sepanjang tempoh perkhidmatan** seseorang pegawai;
  - 5.2 tempoh maksimum Cuti Bersalin bagi setiap kelahiran adalah 90 hari. Walau bagaimanapun, pegawai diberi fleksibiliti untuk menentukan sendiri tempoh Cuti Bersalin antara **60 hari hingga 90 hari<sup>1</sup>** bagi setiap kelahiran; dan
  - 5.3 Cuti Bersalin bermula pada tarikh pegawai bersalin. Walau bagaimanapun, pegawai boleh memilih untuk menggunakan Cuti Bersalin lebih awal dari tarikh bersalin iaitu pada bila-bila masa dalam tempoh 14 hari dari tarikh dijangka bersalin.
6. Bagi pegawai yang mempunyai baki Cuti Bersalin bergaji penuh kurang daripada 60 hari, pegawai hendaklah mengambil Cuti Bersalin antara 60 hingga 90 hari dengan menggunakan kemudahan berikut:
  - 6.1 Bagi pegawai **selain guru**:
    - i. menggunakan semua baki Cuti Bersalin bergaji penuh; dan
    - ii. jika tidak mencukupi, Cuti Rehat digunakan; dan
    - iii. jika masih tidak mencukupi, Cuti Bersalin tanpa gaji digunakan.

---

<sup>1</sup> Tempoh mandatori minimum Cuti Bersalin ialah 60 hari bagi setiap kelahiran.

6.2 Bagi guru:

- a. **Semasa penggal sekolah**, guru hendaklah:
  - i. menggunakan semua baki Cuti Bersalin bergaji penuh; dan
  - ii. jika tidak mencukupi, Cuti Bersalin separuh gaji hingga 14 hari digunakan; dan
  - iii. jika masih tidak mencukupi, Cuti Bersalin tanpa gaji digunakan.
- b. **Semasa cuti penggal sekolah**, guru hendaklah:
  - i. menggunakan semua baki Cuti Bersalin bergaji penuh; dan
  - ii. bagi tempoh yang selebihnya dianggap dalam cuti bergaji penuh.

7. Bagi pegawai yang telah menggunakan kelayakan maksimum 360 hari kemudahan Cuti Bersalin, pegawai hendaklah mengambil Cuti Bersalin antara 60 hingga 90 hari dengan menggunakan kemudahan berikut:

7.1 Bagi pegawai **selain** guru:

- i. menggunakan Cuti Rehat mulai dari tarikh bersalin; dan
- ii. jika masih tidak mencukupi, Cuti Bersalin tanpa gaji digunakan.

7.2 Bagi guru:

- a. **Semasa penggal sekolah**, guru hendaklah:
    - i. menggunakan Cuti Bersalin separuh gaji hingga 14 hari; dan
    - ii. jika masih tidak mencukupi, Cuti Bersalin tanpa gaji digunakan.
  - b. **Semasa cuti penggal sekolah**, guru yang bersalin dianggap dalam cuti bergaji penuh.
8. Panduan pilihan kemudahan Cuti Bersalin antara 60 hingga 90 hari adalah seperti di **Lampiran A**.
9. Cuti Bersalin separuh gaji dan Cuti Bersalin tanpa gaji yang diambil oleh pegawai yang bersalin **tidak akan menjelaskan** kelayakan pegawai untuk menggunakan Cuti Separuh Gaji di bawah Perintah Am 51 Bab C Tahun 1974 dan Cuti Tanpa Gaji di bawah Perintah Am 14 dan 52 Bab C Tahun 1974.
10. Tempoh Cuti Bersalin adalah termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan, hari kelepasan am dan cuti penggal. Namun begitu, pengiraan Cuti Rehat dalam tempoh Cuti Bersalin adalah **tidak termasuk** hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am.
11. Bagi pegawai lantikan kontrak (*contract of service*), kelayakan mereka adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam perenggan 5, 6 dan 7 di atas. Walau bagaimanapun, mereka tidak layak mengambil Cuti Menjaga Anak bagi menggantikan kelayakan Cuti Bersalin. Kemudahan Cuti Bersalin tanpa gaji yang diambil tidak menjelaskan

kemudahan Cuti Tanpa Gaji Untuk Mengerjakan Haji sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 4, perkara 3, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2016 dan peraturan lain yang berkuat kuasa. Kemudahan Cuti Bersalin tanpa gaji ini juga tidak menyebabkan tempoh kontrak yang berkuat kuasa terputus.

12. Cuti Sakit tidak boleh digunakan bagi maksud menggantikan tempoh Cuti Bersalin kecuali Cuti Tibi, Kusta, Barah atau tempoh pegawai dimasukkan ke wad hospital kerana sakit bukan atas sebab bersalin.

13. Bagi pegawai yang telah melahirkan anak selepas 22 minggu mengandung, sama ada bayi itu hidup atau pun meninggal dunia adalah layak untuk diberi Cuti Bersalin memandangkan tubuh badan pegawai telah mengalami perubahan fizikal yang memerlukan Cuti Bersalin bagi tujuan pemulihan.

14. Tempoh perkhidmatan dengan Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan bagi seseorang pegawai yang diberi pelepasan untuk berkhidmat dengan perkhidmatan awam Persekutuan hendaklah diambil kira bagi maksud kelayakan kemudahan di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini.

15. Tempoh perkhidmatan termasuk semasa pelantikan secara sementara atau pelantikan secara kontrak hendaklah diambil kira bagi maksud kelayakan kemudahan di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini.

16. Urusan pentadbiran kemudahan Cuti Bersalin adalah seperti berikut:

16.1 pegawai hendaklah mengemukakan dokumen sokongan daripada hospital/klinik Kerajaan atau swasta yang mengesahkan tarikh dijangka bersalin bagi membolehkan Ketua Jabatan meluluskan permohonan Cuti Bersalin dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran B** Pekeliling Perkhidmatan ini;

- 16.2 bagi memudahkan urusan pentadbiran, pegawai **tidak boleh meminda** tempoh Cuti Bersalin yang telah diluluskan oleh Ketua Jabatan; dan
- 16.3 Ketua Jabatan hendaklah memastikan bilangan hari dan tempoh Cuti Bersalin yang diluluskan direkod di dalam Buku Rekod Perkhidmatan pegawai.

### **PANDUAN BAGI TEMPOH PERALIHAN**

17. Bagi pegawai yang sedang dalam tempoh Cuti Bersalin seperti yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2010 hingga mele过asi tarikh 1 Januari 2018, pegawai boleh menggunakan kadar tambahan baharu ini mulai 1 Januari 2018. Contoh kaedah pelaksanaan kemudahan Cuti Bersalin dalam tempoh peralihan ini adalah seperti di **Lampiran C**.

### **PEMBATALAN**

18. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2010 adalah dibatalkan.

### **TARIKH KUAT KUASA**

19. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2018**.

## **PEMAKAIAN**

20. Tertakluk kepada penerimaan pakai oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

## **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



(TAN SRI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN)  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

13 Disember 2017

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Setiausaha Suruhanjaya  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

## LAMPIRAN A

### **PANDUAN PILIHAN KEMUDAHAN CUTI BERSALIN**

- A. Bagi pegawai yang mempunyai baki Cuti Bersalin bergaji penuh kurang daripada 60 hari, pegawai hendaklah mengambil Cuti Bersalin antara 60 hingga 90 hari dengan menggunakan pilihan kemudahan berikut:

#### **Selain Guru**

TURUTAN PENGGUNAAN CUTI BERSALIN

Kategori I	Kategori II <sup>1</sup>	
Cuti Bersalin 60 hari hingga 90 hari	Cuti Bersalin dan Cuti Menjaga Anak (CMA)	
	Pilihan A	Pilihan B
menggunakan semua baki Cuti Bersalin bergaji penuh; dan	menggunakan semua baki Cuti Bersalin bergaji penuh; dan	menggunakan semua baki Cuti Bersalin bergaji penuh; dan
jika tidak mencukupi, Cuti Rehat digunakan; dan	jika tidak mencukupi, Cuti Rehat digunakan; dan	jika masih tidak mencukupi, <b>CMA yang bersambung daripada Cuti Bersalin</b> di bawah PP Bil. 5/2014
jika masih tidak mencukupi, Cuti Bersalin tanpa gaji digunakan.	jika masih tidak mencukupi, <b>CMA yang tidak terikat dengan Cuti Bersalin</b> di bawah PP Bil. 5/2014 digunakan.	digunakan, sehari selepas tamat tempoh Cuti Bersalin bergaji penuh.

<sup>1</sup> Bagi pegawai yang bercadang meneruskan cuti dengan menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak.

## Guru Semasa Penggal Sekolah

TURUTAN PENGGUNAAN CUTI BERSALIN

Cuti Bersalin 60 hari hingga 90 hari	Kategori II	
	Cuti Bersalin dan CMA	
	Pilihan A	Pilihan B
menggunakan semua baki Cuti Bersalin bergaji penuh; dan	menggunakan semua baki Cuti Bersalin bergaji penuh; dan	menggunakan semua baki Cuti Bersalin bergaji penuh; dan
jika tidak mencukupi, Cuti Bersalin separuh gaji hingga 14 hari digunakan; dan	jika tidak mencukupi, Cuti Bersalin separuh gaji hingga 14 hari digunakan; dan	jika masih tidak mencukupi, <b>CMA yang bersambung daripada Cuti Bersalin</b> di bawah PP Bil. 5/2014
jika masih tidak mencukupi, Cuti Bersalin tanpa gaji digunakan.	<b>yang tidak terikat dengan Cuti Bersalin</b> di bawah PP Bil. 5/2014 digunakan.	digunakan, sehari selepas tamat tempoh Cuti Bersalin bergaji penuh.

- B. Bagi pegawai yang telah menggunakan kelayakan maksimum 360 hari kemudahan Cuti Bersalin, pegawai hendaklah mengambil Cuti Bersalin antara 60 hingga 90 hari dengan menggunakan pilihan kemudahan berikut:

**Selain Guru**

TURUTAN PENGGUNAAN  
CUTI BERSALIN

<b>Kategori I</b> <b>Cuti Bersalin</b> <b>60 hari hingga 90 hari</b>	<b>Kategori II</b>	
	<b>Cuti Bersalin dan CMA</b>	
	<b>Pilihan A</b>	<b>Pilihan B</b>
menggunakan Cuti Rehat mulai dari tarikh bersalin; dan	menggunakan Cuti Rehat mulai dari tarikh bersalin; dan	menggunakan <b>CMA</b> <b>yang bersambung</b> <b>daripada Cuti Bersalin</b> di bawah PP Bil. 5/2014 mulai dari tarikh bersalin.
jika masih tidak mencukupi, Cuti Bersalin tanpa gaji digunakan.	jika masih tidak mencukupi, <b>CMA</b> <b>yang tidak terikat</b> <b>dengan Cuti Bersalin</b> di bawah PP Bil. 5/2014 digunakan.	

**Guru Semasa Penggal Sekolah**

TURUTAN PENGGUNAAN  
CUTI BERSALIN

<b>Kategori I</b> <b>Cuti Bersalin</b> <b>60 hari hingga 90 hari</b>	<b>Kategori II</b>	
	<b>Cuti Bersalin dan CMA</b>	
	<b>Pilihan A</b>	<b>Pilihan B</b>
menggunakan Cuti Bersalin separuh gaji hingga 14 hari; dan	menggunakan Cuti Bersalin separuh gaji hingga 14 hari; dan	menggunakan <b>CMA</b> <b>yang bersambung</b> <b>daripada Cuti Bersalin</b> di bawah PP Bil. 5/2014 mulai dari tarikh bersalin.
jika masih tidak mencukupi, Cuti Bersalin tanpa gaji digunakan.	jika masih tidak mencukupi, <b>CMA</b> <b>yang tidak terikat</b> <b>dengan Cuti Bersalin</b> di bawah PP Bil. 5/2014 digunakan.	

**LAMPIRAN B**

JPA.SARAAN 223/5/4-3 Jld. 3 (16)



KEMENTERIAN/JABATAN: \_\_\_\_\_

**BORANG KEMUDAHAN CUTI BERSALIN  
PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM**

**Arahan:** Maklumat hendaklah dilengkapkan dengan **jelas** dan menggunakan **huruf besar**. Perakuan Bersalin/Surat dijangka bersalin hendaklah dilampirkan.

**BAHAGIAN I : BUTIRAN DIRI PEGAWAI**

1. Nama Penuh : \_\_\_\_\_
2. No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_
3. Jawatan : \_\_\_\_\_
4. Alamat Tempat Tinggal Semasa Cuti Bersalin :  
\_\_\_\_\_
5. Tempoh Diperlukan : \_\_\_\_\_ hari.
6. Tarikh : \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_
7. Tarikh Dijangka Bersalin (EDD) :  
  - i. kelayakan Cuti Bersalin yang telah digunakan : \_\_\_\_\_ hari
  - ii. baki kelayakan Cuti Bersalin (jika ada) : \_\_\_\_\_ hari

**BAHAGIAN II : BUTIRAN PERMOHONAN KEMUDAHAN CUTI BERSALIN**

8. Turutan kemudahan Cuti Bersalin yang dipohon (Tandakan **✓** pada yang berkenaan)

(a)  **Cuti Bersalin bergaji penuh**

Tarikh Bersalin : \_\_\_\_\_

Mulai : \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_

Jumlah hari yang dipohon : \_\_\_\_\_ hari

(termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am)

(b)  **Cuti Rehat yang berkelayakan**

Mulai :  hingga

Jumlah hari yang dipohon :  hari  
(tidak termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am)

(c)  **Cuti Bersalin tanpa gaji**

Mulai :  hingga

Jumlah hari yang dipohon :  hari  
(termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am)

(d)  **CMA yang tidak terikat dengan Cuti Bersalin di bawah PP Bil. 5/2014**

Mulai :  hingga

Jumlah hari yang dipohon :  hari  
(termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am)

(e)  **CMA yang bersambung daripada Cuti Bersalin di bawah PP Bil. 5/2014**

Mulai :  hingga

Jumlah hari yang dipohon :  hari  
(termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am)

(f)  **Cuti Bersalin separuh gaji hingga 14 hari**  
(bagi guru dalam penggal sekolah)

Mulai :  hingga

Jumlah hari yang dipohon :  hari  
(termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am)

(g)  **Cuti bergaji penuh**  
(bagi guru dalam cuti penggal sekolah)

Mulai :  hingga

Jumlah hari yang dipohon :  hari  
(termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am)

### BAHAGIAN III : PENGESAHAN PEGAWAI

9. Saya dengan ini mengesahkan bahawa maklumat sebagaimana yang dinyatakan di **Bahagian I dan II adalah benar.**

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

### BAHAGIAN IV: PENGESAHAN DAN KEPUTUSAN KETUA JABATAN

10. Permohonan kemudahan Cuti Bersalin bagi pegawai adalah **DILULUSKAN/TIDAK DILULUSKAN\***  
pada/mulai  hingga

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama dan jawatan : \_\_\_\_\_  
*(cap rasmi)*

Tarikh : \_\_\_\_\_  
*\*potong mana yang tidak berkenaan*

## LAMPIRAN C

### SIMULASI CUTI BERSALIN DALAM TEMPOH PERALIHAN


#### **Contoh 1:**

Pegawai A bersalin pada **6.11.2017**. Beliau mempunyai baki Cuti Bersalin bergaji penuh sebanyak **30 hari** dan masih mempunyai baki Cuti Rehat sebanyak 6 hari. Beliau memohon dan telah diluluskan Cuti Bersalin sebanyak **60 hari**. Pecahan Cuti Bersalin 60 hari adalah gabungan kemudahan cuti seperti berikut:

#### **SEBELUM PELAKSANAAN PP BIL. 5/2017:**

Bil	Kenyataan	Tarikh	Bilangan Hari
1.	Cuti Bersalin bergaji penuh (CBbp)	6.11.17 - 5.12.17	30
2.	Cuti Rehat (CR)	6.12.17 - 8.12.17	3
3.	Hari rehat mingguan dan hari kelepasan mingguan (hrm+hkm)	9.12.17 & 10.12.17	2
4.	Cuti Rehat (CR)	11.12.17 - 13.12.17	3
5.	Cuti Bersalin tanpa gaji (CBtg)	14.12.17 - 4.1.18	22
<b>Jumlah</b>			<b>60</b>


Ilustrasi penjelasan di atas adalah seperti berikut:



#### **SELEPAS PELAKSANAAN PP BIL. 5/2017:**

Bil	Kenyataan	Tarikh	Bilangan Hari
1.	Cuti Bersalin bergaji penuh (CBbp)	6.11.17 - 5.12.17	30
2.	Cuti Rehat	6.12.17 - 8.12.17	3
3.	Hari rehat mingguan dan hari kelepasan mingguan	9.12.17 & 10.12.17	2
4.	Cuti Rehat	11.12.17 - 13.12.17	3
5.	Cuti Bersalin tanpa gaji (CBtg)	14.12.17 - 31.12.17	18
6.	Cuti Bersalin bergaji penuh (CBbp)	1.1.18 - 4.1.18	4
<b>Jumlah</b>			<b>60</b>

Ilustrasi penjelasan di atas adalah seperti berikut:




**Contoh 2:**

Pegawai B (guru) bersalin pada **4.12.2017**. Beliau mempunyai baki Cuti Bersalin bergaji penuh sebanyak **30 hari**. Beliau memohon dan telah diluluskan Cuti Bersalin sebanyak **60 hari**. Pecahan Cuti Bersalin 60 hari adalah gabungan kemudahan cuti seperti berikut:

**SEBELUM PELAKSANAAN PP BIL. 5/2017:**

Bil	Kenyataan	Tarikh	Bilangan Hari
1.	Cuti Bersalin bergaji penuh (CBbp)	4.12.17 - 2.1.18	30
2.	Cuti Bersalin separuh gaji (CBsg) [penggal sekolah]	3.1.18 - 16.1.18	14
3.	Cuti Bersalin tanpa gaji (CBtg)	17.1.18 - 1.2.18	16
<b>Jumlah</b>			<b>60</b>


Ilustrasi penjelasan di atas adalah seperti berikut:



**SELEPAS PELAKSANAAN PP BIL. 5/2017:**

Bil	Kenyataan	Tarikh	Bilangan Hari
1.	Cuti Bersalin bergaji penuh (CBbp)	4.12.17 - 1.2.18	60
<b>Jumlah</b>			<b>60</b>

Ilustrasi penjelasan di atas adalah seperti berikut:




### **Contoh 3:**

Pegawai C bersalin pada **20.11.2017**. Beliau **tiada kelayakan Cuti Bersalin bergaji penuh** tetapi masih mempunyai baki Cuti Rehat sebanyak 5 hari. Beliau memohon dan telah **diluluskan Cuti Bersalin sebanyak 60 hari**. Pecahan Cuti Bersalin 60 hari adalah gabungan kemudahan cuti seperti berikut:

#### **SEBELUM PELAKSANAAN PP BIL. 5/2017:**

Bil	Kenyataan	Tarikh	Bilangan Hari
1.	Cuti Rehat (CR)	20.11.17 - 24.11.17	5
2.	Cuti Bersalin tanpa gaji (CBtg)	25.11.17 - 18.1.18	55
<b>Jumlah</b>			<b>60</b>


Ilustrasi penjelasan adalah seperti berikut:



#### **SELEPAS PELAKSANAAN PP BIL. 5/2017:**

Bil	Kenyataan	Tarikh	Bilangan Hari
1.	Cuti Rehat (CR)	20.11.17 - 24.11.17	5
2.	Cuti Bersalin tanpa gaji (CBtg)	25.11.17 - 31.12.17	37
3.	Cuti Bersalin bergaji penuh (CBbp)	1.1.18 - 18.1.18	18
<b>Jumlah</b>			<b>60</b>

Ilustrasi penjelasan adalah seperti berikut:




#### **Contoh 4:**

Pegawai D (guru) bersalin pada 4.12.2017. Beliau **tiada kelayakan Cuti Bersalin bergaji penuh**. Beliau memohon dan telah **diluluskan Cuti Bersalin sebanyak 60 hari**. Pecahan Cuti Bersalin 60 hari adalah gabungan kemudahan cuti seperti berikut:

#### **SEBELUM PELAKSANAAN PP BIL. 5/2017:**

Bil	Kenyataan	Tarikh	Bilangan Hari
1.	Cuti Bersalin bergaji penuh (CBbp) [cuti penggal sekolah]	4.12.17 - 1.1.18	29
2.	Cuti Bersalin separuh gaji (CBsg) [penggal sekolah]	2.1.18 - 15.1.18	14
3.	Cuti Bersalin tanpa gaji (CBtg)	16.1.18 - 1.2.18	17
<b>Jumlah</b>			<b>60</b>

Ilustrasi penjelasan adalah seperti berikut:



#### **SELEPAS PELAKSANAAN PP BIL. 5/2017:**

Bil	Kenyataan	Tarikh	Bilangan Hari
1.	Cuti Bersalin bergaji penuh (CBbp) [cuti penggal sekolah]	4.12.17 - 31.12.17	28
2.	Cuti Bersalin bergaji penuh (CBbp)	1.1.18 - 1.2.18	32
<b>Jumlah</b>			<b>60</b>

Ilustrasi penjelasan adalah seperti berikut:

